

PERCUKAIAN

4.1 Percukaian

Apakah itu percukaian?

Percukaian ialah satu proses hasil (wang) dikumpul daripada individu atau syarikat untuk digunakan dalam pembangunan negara dengan menyediakan pelbagai kemudahan (misalnya pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan) demi kesejahteraan semua rakyat. Semua hasil cukai yang dikutip berdasarkan akta-akta yang diluluskan dalam parlimen.




Hasil cukai digunakan dlm aspek:

- Pendidikan
- Pembangunan
- Keselamatan dan Pertahanan Negara
- Pertanian dan Perindustrian
- Kesihatan
- Kebajikan
- Infrastruktur dan Kemudahan Awam

★ Jenis-jenis cukai

- Cukai pendapatan
- Cukai Jalan
- Cukai Pintu
- Cukai Tanah
- Cukai Jualan dan Perkhidmatan

★ Pengiraan Cukai Pendapatan



$$\text{Pendapatan bercukai} = \text{jumlah pendapatan} - \text{pengecualian} - \text{pelepasan tahunan cukai cukai}$$

Jumlah pendapatan tahunan termasuk segala bentuk upah, gaji, bonus, dividen, faedah, sewa, royalti, premium dan sebagainya. Namun, tidak semua pendapatan yang diterima daripada majikan perlu dikenakan cukai, contohnya elaun petrol atau perjalanan, subsidi-subsidi majikan seperti perumahan dan kenderaan, manfaat perubatan, Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA), keraian dan lain-lain.

Pengecualian cukai merujuk kepada semua perbelanjaan peribadi dalam bentuk hadiah, derma, sumbangan kepada kerajaan atau pelbagai organisasi, contohnya perpustakaan negeri dan badan rawatan kesihatan.

Pelepasan cukai merujuk kepada perkara atau perbelanjaan bagi kepentingan persendirian atau ahli-ahli keluarga yang tidak dikenakan cukai pendapatan, antaranya caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), rawatan perubatan dan yuran pengajian.



Rebat Cukai

Rebat cukai diberikan untuk mengurangkan cukai yang perlu dibayar. Terdapat 2 jenis rebat cukai, iaitu:

- Rebat cukai sebanyak RM400 akan diberikan kepada pembayar cukai sekiranya pendapatan bercukainya tidak melebihi RM35,000, tertakluk kepada perubahan semasa.
- Jumlah bayaran zakat atau fitrah oleh warganegara yang beragama Islam akan mendapat rebat cukai.

★ Cukai Pintu

**Jumlah cukai pintu = kadar cukai pintu ×
nilai tahunan**

★ Cukai Tanah

**Jumlah cukai tanah = kadar cukai tanah
setiap unit keluasan × jumlah keluasan
tanah**

TAMAT